



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
30 Ogos 2021**

### **PNB LANCAR ASN EQUITY GLOBAL**

*Dana unit amanah baharu sasar pelabur yang inginkan  
pertumbuhan menerusi pelaburan global*

**KUALA LUMPUR, 30 Ogos 2021** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini memperkenalkan ASN Equity Global, dana ASNB pertama yang memfokus kepada ekuiti global, dan akan mula ditawarkan mulai 1 September 2021.

ASN Equity Global sesuai untuk pelabur dengan toleransi risiko tinggi, kerana dana ini menggunakan strategi pelaburan pertumbuhan modal dengan pendedahan yang tinggi di pasaran antarabangsa. Bersesuaian dengan namanya, fokus pelaburan adalah pada ekuiti global dengan peruntukan aset hingga 99%, yang mana dana ini menggunakan strategi pelaburan dalam syarikat berprospek tinggi, serta yang mendapat manfaat menerusi megatrend global.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, “Pelancaran ASN Equity Global merupakan satu lagi kejayaan bagi PNB dan ASNB, terutama dalam menunaikan amanat kami kepada semua rakyat Malaysia dengan memberikan akses mudah ke pasaran global dengan modal permulaan yang berpatutan. Rangkaian produk unit amanah kami yang komprehensif kini merangkumi pelbagai geografi dan kategori dana, iaitu dana konservatif, seimbang dan pertumbuhan, yang membolehkan pemegang unit memenuhi matlamat kewangan dan pelaburan mereka.”

ASN Equity Global diuruskan oleh pasukan pengurus dana profesional PNB yang berpusat di Kuala Lumpur dan juga pejabatnya di London, bagi meneroka dan merebut peluang pelaburan di lebih daripada 50 pasaran saham global utama.

Pelaburan permulaan minimum hanya RM10.00 dan pelaburan tambahan pula serendah RM1.00. Bermula 1 September 2021, pelabur boleh melanggan ASN Equity Global pada harga tawaran awal RM1.00 seunit sehingga 21 September 2021 di semua saluran, termasuk portal

www.myasnb.com.my dan aplikasi mudah alih myASNB, cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara, serta kemudahan perbankan internet ejen ASNB. Mulai 1 September hingga 31 Disember 2021, ASNB menawarkan kadar caj jualan yang lebih rendah untuk semua langganan di kaunter.

- TAMAT -

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**